

Kegiatan pelajar kejuruteraan mengedar ganja di kampus sejak 2 tahun lalu terbongkar

Pelajar UTP ditahan edar dadah

Oleh MUHAMMAD AYMAN GHAFFA

SERI ISKANDAR – Kegiatan seorang pelajar lelaki jurusan kejuruteraan petroleum di Universiti Teknologi Petronas (UTP) di sini yang mengedar dadah sejak dua tahun lalu terbongkar apabila dia ditahan polis dalam serbuan di kolej kediamannya pada Rabu lalu.

Lebih malang, pelajar pintar yang berusia 21 tahun itu merupakan mahasiswa tahun akhir yang bakal menamatkan pengajiannya dua bulan lagi di UTP.

Ketua Polis Daerah Perak Tengah, Superintendan Mohamad Zainal Abdullah berkata, dalam serbuan pada pukul 6.30 petang itu, polis menemui 26 plastik dadah dipercayai jenis ganja seberat 248.7 gram bernilai RM1,700.

Jelasnya, suspek yang berasal dari Cheras, Kuala Lumpur cuba melarikan diri dan mencampakkan dadah tersebut ke luar biliknya sebelum ditahan polis.

“Sewaktu serbuan, polis turut menahan seorang graduan berusia dalam lingkungan 20-an yang hadir ke universiti itu untuk mengambil transkrip



MOHAMAD ZAINAL menunjukkan dadah jenis ganja seberat 248.7 gram yang dirampas daripada seorang pelajar tahun akhir UTP pada sidang akhbar di IPD Perak Tengah semalam.



SIASATAN polis mendapati suspek telah menjalankan kegiatan mengedar ganja sejak dua tahun lalu dalam kalangan pelajar UTP, Seri Iskandar.



KEDUA-DUA suspek kini ditahan reman di IPD Perak Tengah.



SEBANYAK 26 pekot ganja seberat 248.7 gram bernilai RM 1,700 ditemui dalam serbuan di kolej kediaman suspek di UTP, Seri Iskandar Rabu lalu.

INFO

Ganja

- Nama saintifik bagi ganja adalah *Cannabis sativa*
- Turut dikenali sebagai marijuana, *tampée*, *pot*, *weed*, *dope* atau *green stuff*
- Merupakan sejenis tumbuhan meliar dan dikatakan berasal daripada perkataan Portugis iaitu *Mariguango* yang bermaksud bahan memabukkan
- Mengandungi Tetrahydrocannabinol yang mengakibatkan pengguna menjadi khayal, sugul, kecewa dan euforia (rasa tenang)
- Selain itu pengguna ganja turut menunjukkan tanda-tanda seperti mata merah, tidak boleh tidur, sakit perut dan hilang selera makan
- Sekiranya berterusan mengambil ganja, ia akan mengakibatkan pergantungan, ketagihan, tekanan jiwa, halusinasi, bertambah selera makan dan pergerakan tidak agresif

Kes ganja yang melibatkan pelajar/murid sekolah

- Seramai 13 orang pelajar sebuah kolej di Melaka dihadapkan ke Mahkamah Majistret Aver Keroh dan didakwa

pengajian sewaktu dia berada di dalam bilik kolej itu dan dipercayai rakan suspek.

"Siasatan terhadap suspek utama mendapati, dia telah menjalankan kegiatan pengedaran dadah kepada pelajar universiti itu sejak dua tahun lalu," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Perak Tengah di sini semalam.

Menurut Mohamad Zainal, pemeriksaan air kencing mendapati, kedua-dua suspek positif dadah jenis ganja.

Jelasnya, polis sedang meneruskan siasatan untuk mengenal pasti pengedar utama da-

dah jenis ganja yang memberi bekalan kepada suspek.

Dalam pada itu, ujarinya, pihak polis telah menjalankan risikan selama seminggu sebelum melakukan serbuan ke atas kolej kediaman suspek.

"Siasatan juga mendapati, dadah yang dirampas diedarkan kepada lebih 100 orang pelajar tempatan dan luar negara di universiti itu.

"Suspek juga dipercayai memberi wang belanja kepada keluarganya di Kuala Lumpur setiap minggu hasil daripada jualan dadah," katanya.

Bagaimanapun polis masih menyasat tujuan suspek memberikan sejumlah wang kepada keluarganya sama ada untuk simpanan atau perbelanjaan mereka.

Menurut Mohamad Zainal, suspek utama ditahan reman sehingga 31 Mei ini manakala rakannya sehingga hari ini untuk membantu siasatan.

Kes disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 manakala suspek kedua disiasat mengikut Seksyen 15 (1) akta yang sama.

Jika sabit sabit kesalahan,

suspek pertama boleh dijatuhi hukuman mati.

Dalam pada itu, pegawai UTP ketika dihubungi *Kosmo!* semalam berkata, pihaknya akan memberi kenyataan berhubung kes berkenaan dalam masa terdekat.

UTP memiliki lebih 6,000 mahasiswa termasuk pelajar antarabangsa dari 66 buah negara. Antara jurusan popular di UTP termasuklah Kejuruteraan Kimia, Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik serta Sains Komputer dan Sistem Maklumat.

Majistret Ayer Keroh dan didakwa mengikut Seksyen 6 Akta Dadah Berbahaya 1952 pada 7 Februari 2017 atas pertuduhan memiliki ganja seberat 5.45 gram di dalam asrama pada April 2016

- Tiga pelajar IPTA berusia 22 tahun ditahan dalam satu serbuan di Serdang, Selangor pada 23 Mac 2017 kerana memiliki lima pekot berisi 1.2 kilogram daun kering mampat dipercayai ganja bernilai RM2,500

- Seorang pelajar sekolah di Kuala Nerang, Kedah ditahan reman dan disiasat mengikut Seksyen 6 Akta Dadah Berbahaya 1952 pada 27 Ogos 2015 kerana mengambil upah menjual ganja dengan harga RM10 di sekolah tersebut untuk mendapatkan bekalan bagi dirinya